

25 NOV 2000

Mahathir-Sarapan

DR MAHATHIR DAN GUS DUR BERBINCANG SAMBIL BERSARAPAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

SINGAPURA, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berbincang sambil bersarapan dengan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid pada acara sampingan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Keempat, di sini.

Perdana Menteri diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta para pegawai Malaysia.

Pemimpin Indonesia itu pula diiringi Menteri Luar Alwi Shihab dan para pegawai Indonesia.

Kedua-dua pemimpin itu berbincang mengenai peningkatan hubungan dan bertukar-tukar fikiran mengenai pelbagai perkara kepentingan bersama.

Mereka berada di sini untuk bersama-sama lapan rakan sejawatan Asean yang lain bagi Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Keempat, semalam.

Blok Asean sedang mengadakan mesyuarat berasingan dengan rakan dialog sidang kemuncak itu, China, Jepun dan Korea Selatan pagi ini.

Syed Hamid semasa taklimat kepada media Malaysia berkata presiden Indonesia itu telah meminta bantuan kepakaran Malaysia dalam pelbagai bidang untuk membantu membangunkan negara itu.

"Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam beberapa bidang dan Presiden Indonesia itu mahu kita menghantar perunding dan mengadakan seminar mengenai pelbagai bidang yang dapat membantu mereka," katanya.

Beliau berkata Presiden Indonesia itu berpendapat model pembangunan Malaysia telah terbukti berjaya dan Indonesia berhasrat mendapatkan kepakaran itu daripada Malaysia.

-- BERNAMA

ARA RHM RON